

# SEJARAH FONOLOGI DIALEK MELAYU HULU KEDAH

(*The Phonological History of the Hulu Kedah Malay Dialect*)

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani<sup>1</sup>     
ujanasastera.ka3@gmail.com

Mohd Tarmizi Hasrah<sup>2</sup>    
h.tarmizi@uum.edu.my

Kulim, Kedah, Malaysia.<sup>1</sup>

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia,  
06010 Sintok, Kedah, Malaysia.<sup>2</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):<sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2025). Sejarah fonologi dialek Melayu hulu Kedah. *Jurnal Bahasa*, 25(1), 1–40. [https://doi.org/10.37052/jb25\(1\)n01](https://doi.org/10.37052/jb25(1)n01)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda  
(*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	14/3/2025	Semakan: <i>Revised:</i>	22/5/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	27/5/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	26/6/2025
------------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

## Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk menampilkan analisis tentang sejarah atau perkembangan sistem linguistik dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hulu Kedah yang secara spesifiknya merujuk dialek Melayu Baling. Perbincangan dalam makalah ini diumpulkan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama dimulai dengan perbincangan tentang perkembangan sistem fonologi bahasa Malayik purba kepada sistem fonologi dialek Melayu hulu Kedah purba. Kemudian, perbincangan dilanjutkan kepada bahagian kedua, iaitu perkembangan sistem fonologi dialek Melayu hulu Kedah purba kepada sistem fonologi dialek Melayu hulu Kedah semasa yang secara spesifik merujuk dialek Melayu Baling. Yang dimaksudkan

dengan perkembangan dalam konteks tersebut melibatkan dua konsep asas yang paling penting dalam linguistik diakronik, iaitu retensi dan inovasi. Perbincangan tidak terhenti setakat itu sahaja kerana makalah ini turut menangani bahagian ketiga yang terkait dengan proses fonologi yang berlaku sepanjang sejarah dialek Melayu hulu Kedah. Beberapa inovasi dan retensi fonologi yang diperlihatkan oleh dialek Melayu hulu Kedah menatijahkan dua implikasi penting. Pertama, dialek Melayu hulu Kedah terpisah daripada cabang dialek Melayu Semenanjung Utara. Dengan erti kata lain, dialek tersebut bukan subdialek bagi dialek Melayu Kedah piawai. Kedua, oleh sebab dialek Melayu hulu Kedah terpisah daripada induknya yang sering diuar-uarkan selama ini dan berkongsi persamaan dengan dialek Melayu lain yang terdapat di sekitarnya, dialek tersebut membentuk cabangnya yang tersendiri. Cabang yang dimaksudkan ini dikenali sebagai cabang dialek Melayu hulu Semenanjung Utara.

Kata kunci: Dialek Melayu Baling, dialektologi, inovasi, linguistik diakronik, Malayik Purba, retensi

### ***Abstract***

*This paper presents aims to present an analysis of the linguistic history or development of the Malay dialects spoken in the interior regions of Kedah, specifically referring to the Baling Malay dialect. The discussion is divided into three main sections. The first part discusses the phonological system from proto-Malayic to the early Hulu Kedah Malay dialect. The second part explores the evolution of the early Hulu Kedah dialect into the current phonological system specifically of the Baling Malay dialect. In this context, “development” involves two fundamental concepts in diachronic linguistics: retention and innovation. The discussion also includes a third section addressing phonological processes throughout the history of the Hulu Kedah Malay dialect. Several phonological innovations and retentions in this dialect result in two significant implications. First, the Hulu Kedah dialect is distinct from the Northern Peninsular Malay dialect branch, meaning it is not a subdialect of the standard Kedah Malay. Second, due to its divergence from its traditional assumed parent dialect and its similarities with surrounding Malay dialects, Hulu Kedah Malay has formed its own branch, identified as the Upper Northen Peninsular Malay dialect branch.*

**Keywords:** *Baling Malay dialect, dialectology, innovation, diachronic linguistic, Proto-Malayic, retention*

## PENDAHULUAN

Dalam perbincangan proses fonologi secara diakronik, sesebuah kajian itu perlulah mempunyai bentuk linguistik yang lebih tua daripada bahasa atau dialek semasa yang sedang dikaji. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk linguistik yang lebih tua berkenaan menjadi asas atau struktur dalaman bagi menghuraikan proses fonologi bahasa atau dialek semasa. Hal yang sama turut disokong oleh banyak pengkaji, antaranya Mohd Tarmizi Hasrah (2022) yang menyatakan bahawa pendekatan perbandingan diakronik seperti yang dimaksudkan bermatlamat untuk mengenal pasti inovasi (perubahan) dan retensi (pengekalan) antara bahasa dan dialek semasa dengan bahasa dan dialek yang lebih tua. Penggunaan bahasa dan dialek yang lebih tua berkenaan sebagai struktur dalaman atau metabahasa dan metadialek memperlihatkan keadaan dan perilaku linguistik yang terjadi sepanjang sejarah bahasa atau dialek yang dikaji yang melibatkan antara lainnya perubahan atau pengekalan fonologi, termasuk juga ciri linguistik yang lain.

Lazimnya, mana-mana bahasa atau dialek memperlihatkan keberadaan ciri inovasi dan retensi secara serentak. Maksudnya, terdapat ciri linguistik yang berubah dan kekal secara bersamaan dalam setiap bahasa atau dialek. Penggeledahan terhadap literatur yang mengkaji dialek Melayu umpamanya menunjukkan fakta bahawa sehingga kini pun masih belum ada yang melaporkan dialek yang hanya menunjukkan satu daripada gejala tersebut secara bersendirian dalam sistem linguistiknya.

Secara ringkas, inovasi dan retensi yang terjadi secara serentak dalam sesebuah dialek Melayu bermaksud bahawa terdapat ciri bahasa purba, dalam hal ini bahasa Malayik purba (BMP) atau bahasa Austronesia purba (BAP), yang mengalami perubahan dan dalam masa yang sama turut memperlihatkan pengekalan. Misalnya, dalam dialek Melayu Baling (DMB), vokal tinggi BMP \*i dan BMP \*u muncul dalam dua bentuk. Pertama, BMP \*i > [i] dan [e]. Kedua, BMP \*u > [u] dan [o]. Kemunculan vokal BMP \*i dan BMP \*u sebagai [i] dan [u] dikenali sebagai retensi; manakala kemunculannya sebagai [e] dan [o] pula dikenali sebagai inovasi yang jika menurut istilah yang diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar (1992), keadaan tersebut dikatakan sebagai “pemecahan fonemik” vokal purba tersebut dalam DMB.

Huraian yang dipaparkan ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan gejala inovasi dan retensi yang berlaku dalam sesebuah bahasa atau dialek. Berhubung dengan kepentingan yang dimaksudkan

ini, tujuan makalah ini adalah untuk melaporkan perkembangan sistem fonologi yang telah berubah akibat cirinya yang mengalami inovasi dan kekal diretensikan dalam dialek Melayu hulu Kedah (DMHK) sebagai penutup bagi beberapa siri penerbitan lain tentang dialek tersebut; lihat Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021), Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani et al. (2024) dan Mohamad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2023a, 2023b, 2024a, 2024b). Dialek Melayu hulu Kedah dalam makalah ini merujuk DMB. Bagi membincangkan gejala inovasi dan retensi dalam DMHK yang dimaksudkan, makalah ini memfokuskan perbincangan terhadap perkara yang berikut:

- i. Bahagian pertama memaparkan perkembangan sistem fonologi BMP kepada sistem fonologi dialek Melayu hulu Kedah purba (DMHKP).
- ii. Bahagian kedua memfokuskan perkembangan sistem fonologi DMHKP kepada sistem fonologi DMHK.
- iii. Bahagian ketiga membincangkan proses fonologi yang berlaku sepanjang perkembangan DMHK.
- iv. Bahagian keempat, iaitu bahagian terakhir, mengutarakan beberapa kesimpulan yang berupa natijah daripada analisis yang dilakukan dalam bahagian (i)-(iii).

## KAJIAN LEPAS

Kajian tentang dialek Melayu Kedah (DMK) boleh dikatakan agak “tua”. Tulisan terawal tentangnya terbit pada pertengahan abad ke-18 menerusi coretan Logan (1851). Namun begitu, kajian tentang DMK seakan-akan terhenti seketika sehinggalah pada penghujung abad ke-18. Lebih kurang hampir 50 tahun selepas kajian pertama, barulah muncul kajian seterusnya yang ditulis oleh Ridley (1897). Setelah disemak, dapat dikatakan bahawa perincian yang dikemukakan oleh kedua-dua pengkaji tersebut bersifat makro semata-mata. Umpamanya, kajian yang dilakukan oleh Logan hanya menampilkan beberapa perbandingan fonologi yang wujud bagi membuktikan penyebaran dialek Melayu di kawasan tertentu, begitu juga daftar kata yang diterbitkan oleh Ridley yang hanya memuatkan nama tumbuhan dalam pelbagai dialek Melayu, termasuklah DMK. Walaupun kajian tersebut tidak berupaya menjawab banyak persoalan tentang DMK, sekurang-kurangnya, gambaran awal tentang ciri linguistik dalam dialek Melayu itu tetap kelihatan.

Selain Logan dan Ridley, antara sarjana Barat lain yang turut memusatkan kajian mereka terhadap DMK termasuklah Baker (1938, 1939, 1940), Dobby (1957), Evans (1917), Hamilton (1923, 1925, 1927, 1930, 1933), Humphreys (1926), Kats (1930), Maxwell (1905, 1911) dan Winstedt (1917, 1929). Jika diteliti secara saksama, semua pengkaji tersebut mengarahkan perbincangan terhadap hal yang sama, iaitu aspek sosiolinguistik dan peristilahan. Sebagai contoh, Winstedt (1917) dan Hamilton (1923) sekadar mengkaji kosa kata dan istilah dalam dialek Melayu tentang aktiviti pertanian, perubatan dan penternakan. Kedua-dua sarjana tersebut akhirnya membukukan kosa kata yang dikumpulkan dalam tempoh beberapa tahun dalam daftar kata yang sistematis. Kajian Humphreys (1926) pula berhasil apabila beliau berpandangan bahawa daftar kata yang dibukukan oleh Winstedt (1917) dan Hamilton (1923) tidak lengkap, lantas beliau menghasilkan sebuah daftar kata baharu yang dianggap lebih lengkap dan komprehensif. Hal yang sama berlaku terhadap kajian yang dilakukan oleh Maxwell (1905, 1911) dan Thomson (1936) yang turut meneliti kosa kata dalam DMK.

Kajian tentang DMK tidak terhenti setakat itu sahaja. Pada pertengahan abad ke-19, banyak sarjana tempatan mula menunjukkan minat terhadap fenomena dialek Melayu di Kedah. Antara yang terawal termasuklah Abdullah Hassan (1966), Ida Ahmad (1969), Shuib Ismail (1970), Abdul Karim Ismail (1971), Asmah Haji Omar (1979) dan Umaiyyah Umar (1999). Satu daripada ciri sepunya yang ditonjolkan oleh semua kajian yang dinyatakan ini ialah wawasan dialek yang digagaskan, iaitu DMK mempunyai sistem lapan vokal dengan 20 fonem konsonan.

Selain penelitian dari perspektif sinkronik, kajian tentang DMK turut dibincangkan melalui kaca mata dialektologi diakronik dan generatif. Antaranya termasuklah kajian yang dilakukan oleh Zaharani Ahmad (2006), Shahidi A. Hamid (2009, 2012), Norfazila Abdul Hamid dan Rahim Aman (2015), Nur Syazwani Salam dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2019), serta Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2023, 2024).

Kemajuan teknologi yang kian berkembang telah mengubah landskap penyelidikan dialek di Malaysia secara tidak langsung. Dahulu, kajian dialek berkiblatkan sistem topografi sebagai asas penelitian bagi menentukan sempadan penyebaran satu-satu dialek, tetapi kini, keadaan telah berubah. Dengan munculnya kelompok pengkaji geolinguistik yang menjadikan alat bantu berteknologi sebagai asas penelitian dialek di satu-satu kawasan, maka tatakaedah tradisi yang telah lama digunakan

dalam kajian dialektologi tergugat sedikit sebanyak. Buktinya dapat dihalusi dalam kajian yang sedia ada, antaranya termasuklah Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Amir Imran Jamil (2019), Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2016, 2017, 2019), serta Nor Hashimah Jalaluddin (2018).

Tidak dinafikan bahawa kemajuan teknologi yang ada pada hari ini mampu memudahkan kerja ahli dialektologi untuk mengkaji dialek Melayu menerusi penyebaran dan pemetaan ciri linguistik. Sebagai contoh, seperti yang dapat diperhatikan, terdapat penerapan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi memetakan penyebaran ciri linguistik dialek Melayu. Namun begitu, satu hal yang kelihatan bermasalah dalam penerapan aplikasi GIS tersebut ialah andaian yang bersifat prasaintifik. Hal ini dikatakan demikian kerana dialektologi dan kajian dialek bukanlah tentang setompok peta yang berlorekkan belang dan kotak berwarna-warni yang menandakan penyebaran dan sempadan linguistik, sebaliknya perlu didasarkan pada teori dan konsep yang utuh. Oleh itu, kajian dialektologi yang sebenar perlu didasarkan pada bukti empirik yang kukuh yang diuji secara teoretis (Collins, 1999; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022). Hal ini turut disokong oleh Trudgill (2011) yang menyatakan bahawa walaupun prinsip neolinguistik sebagai contoh sudah lama dilupakan dalam ingatan ahli linguistik, idea asasi aliran tersebut masih tetap segar sehingga hari ini. Dengan adanya wawasan tentang sistem topografi yang dijadikan pasak terhadap kajian dialek Melayu, maka ehwal tersebut membolehkan penentuan bagi sempadan penyebaran sesuatu dialek dapat ditonjolkan dengan berpadanya.

Disebabkan oleh kekurangan yang dinyatakan tersebut, gejala linguistik dialek Melayu di kawasan hulu tidak dapat ditonjolkan secara menyeluruh. Persoalannya ialah keperluan untuk penyelidikan dialek Melayu dilihat dari perspektif diakronik. Persoalan tersebut sebenarnya telah lama dibahaskan oleh sarjana terdahulu, antara yang terawal termasuklah Collins (1999), McDavid (1974) dan Nothofer (1992). Dalam hal ini, ketiga-tiganya menegaskan bahawa dialektologi dan linguistik sejarawi merupakan dua bidang yang tidak terpisah dan saling melengkapi. Jika sisi sinkronik digunakan untuk memerikan sistem fonologi, sisi diakronik pula bertujuan untuk membongkar proses fonologi (inovasi dan retensi) bagi menjawab persoalan yang berkaitan dengan perkembangan atau sejarah sistem bunyi sesuatu dialek. Lantas, apabila maklumat tentang inovasi dan retensi dialek tersebut berjaya dicerap dan dijelmakan secara sistematis, maka pengelompokan dialek yang terlibat dapat dilakukan

MOHAMMAD KHAIRULANWAR ABDUL GHANI DAN MOHD TARMIZI HASRAH dengan mudahnya. Ehwal inilah yang mendasari hasrat penelitian sejarah fonologi DMHK yang ditampilkan dalam makalah ini.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif-kualitatif sebagai reka bentuk untuk mengenal pasti dan menghuraikan sejarah fonologi DMHK.

### Data

Semua data dikumpulkan menerusi kajian lapangan di daerah Baling menerusi beberapa kunjungan ke lapangan secara berkala bermula pada bulan Oktober 2020 hingga Mei 2022. Kawasan kajian yang difokuskan bagi pengumpulan data ialah lapan buah mukim (dua buah kampung bagi setiap mukim) yang terdapat di Baling, Kedah, iaitu Bongor (BGR), Teloi Kanan (TKN), Tawar (TAW), Baling (BAL), Pulai (PUL), Bakai (BAK), Kupang (KUP) dan Siong (SIG). Lapan mukim tersebut mewakili lapan varian DMHK. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan memanfaatkan instrumen kajian bagi mencungkil data naratif dan daftar kata daripada informan di setiap kawasan kajian. Selain pengumpulan data di lapangan, pengkaji turut memanfaatkan hasil penelitian beberapa kajian lepas. Hal ini dilakukan bagi tujuan mengukuhkan dapatan makalah menerusi perbandingan antara dialek. Antara penelitian terhadap kajian lepas yang dimaksudkan termasuklah pencungkilan maklumat yang terkandung dalam Asmah Haji Omar (2008), Nur Habibah Che Rosdi dan Rahim Aman (2020), Nur Habibah Che Rosdi et al. (2023), serta Shahidi A. Hamid (2009).

### Informan

Semua kampung yang dikunjungi melibatkan temu bual dengan dua orang informan (seorang lelaki dan seorang perempuan). Pemilihan informan dilakukan menerusi kriteria lazim dalam kajian dialek yang diakronimkan dengan NORM/F (non-mobile, old, rural, male/female) (Chambers & Trudgill, 1998). Namun begitu, penyesuaian secara spesifik dilakukan terhadap dua kriteria, iaitu *non-mobile* dan *old*. Untuk kriteria *non-mobile*, penyesuaian dilakukan disebabkan oleh keadaan masyarakat kontemporari yang lebih *mobile* berbanding dahulu, termasuklah masyarakat di Baling. Oleh itu, bagi menemukan informan yang *non-mobile* pada zaman ini ialah hal yang agak mustahil. Bagi kriteria *old* pula, informan yang muda secara relatifnya lebih mudah memahami tujuan kajian berbanding dengan

informan tua. Oleh itu, lebih mudah untuk mencuplik data daripada informan muda. Selain NORM/F, kajian ini juga mengambil pendekatan yang agak sederhana dalam hal pemilihan informan berpandukan saranan Asmah Haji Omar (2015), iaitu menemu bual (i) penduduk tempatan yang (ii) sempurna alat artikulasi dan (iii) sudi bekerjasama.

### **Pendekatan Analisis**

Yang dimaksudkan dengan sejarah fonologi dalam makalah ini ialah perkembangan sistem fonologi DMHK daripada induknya, iaitu BMP dan DMHKP. Bagi memenuhi maksud yang dikemukakan tersebut, makalah ini menerapkan pendekatan dialektologi diakronik atau linguistik sejarawi bagi menganalisisnya (Campbell, 2021; Fox, 1995). Pelaksanaan analisis bermula dengan merekonstruksi dialek purba atau dialek perantara yang menghubungkan BMP dengan DMHK menerusi penerapan rekonstruksi dalaman. Rekonstruksi dalaman merupakan tatacadah untuk membina semula sistem linguistik dialek purba berpandukan perbandingan data varian semasa dialek purba berkenaan (Crowley & Bowern, 2010). Dialek purba yang dimaksudkan sebagai hasil rekonstruksi ialah DMHKP. Walau bagaimanapun, makalah ini sekadar memaparkan hasil rekonstruksi DMHKP yang dilakukan oleh Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2024) dalam tulisan lain. Hasil DMHKP tersebut dibandingkan pula dengan BMP, dan perbandingan DMHKP dengan BMP berpandukan hasil rekonstruksi yang dilakukan oleh Adelaar (1992), termasuklah informasi yang ditampilkan sebagai entri dalam *Austronesian Comparative Dictionary*. Setelah itu, DMHKP dibandingkan pula dengan DMHK. Tujuan perbandingan BMP-DMHKP-DMHK adalah untuk memerihalkan aspek inovasi dan retensi dalam sistem fonologi DMHK yang dituturkan pada masa ini.

### **Konvensi Lambang**

Konvensi lambang dan singkatan yang digunakan dalam makalah ini berserta maksud dapat dilihat dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Konvensi lambang dan singkatan berserta maksudnya yang digunakan dalam makalah ini.

Lambang dan singkatan	Maksud
>	berubah menjadi
<	diturunkan daripada
[]	realisasi fonem
/	sempadan bunyi
#	sekitaran akhir sebelum kesenyapan
>	berubah menjadi
<	diturunkan daripada
[]	realisasi fonem
/	sempadan bunyi
#	sekitaran akhir sebelum kesenyapan
Ø	pengguguran segmen
K	konsonan
V	vokal
N	nasal
Fonem-	posisi awal
-Fonem-	posisi antara vokal
*asterik tunggal	rekonstruksi BMP
** asterik ganda	rekonstruksi DHKP

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Analisis difokuskan pada perkembangan sistem fonologi BMP kepada sistem fonologi DMHKP, termasuklah perkembangan sistem fonologi DMHKP kepada sistem fonologi DMHK. Perbincangan turut mengupas proses fonologi yang berlaku sepanjang perkembangan dialek tersebut.

### Sistem Fonologi BMP

Bahagian ini bertujuan untuk memaparkan analisis proses fonologi bahasa atau dialek purba dan bahasa atau dialek semasa yang dikaji. Fokus bagi analisis proses fonologi ialah perubahan atau inovasi. Fokus ini bermakna bahawa hanya ciri inovasi yang dianalisis proses linguistiknya kerana yang hanya inovasi yang melibatkan perubahan bunyi yang signifikan dan berdaya menyerlahkan perkembangan dalam sejarah DMHK (Collins, 1989).

Sebelum melanjutkan perbincangan terhadap analisis yang dimaksudkan, ada baiknya jika fonem BMP dan DMHKP dipaparkan terlebih dahulu. Tujuannya adalah untuk memberikan gambaran tentang perkembangan sistem fonologi daripada BMP kepada DMHKP. Sehubungan dengan itu, fonem BMP dan realisasinya pada tahap DMHKP dipaparkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

**Jadual 2** Refleks konsonan BMP dalam DMHKP.

BMP	DMHKP		
*p	**p-	**-p-	**-p
*b	**b-	**-b-	-
*t	**t-	**-t-	**-t
*d	**d-	**-d-	-
*k	**k-	**-k-	**-k
*g	**g-	**-g-	-
*m	**m-	**-m-	**-ŋ
*n	**n-	**-n-	**-ŋ
*ŋ	**ŋ-	**-ŋ-	**-ŋ
*ɳ	**ɳ-	**-ɳ-	-
*l	**l-	**-l-	∅
*s	**s-	**-s-	**-s
*ɣ/r	**ɣ-	**-ɣ-	∅
*h	∅	**-h-	**-h
*c	**c-	**-c-	-
*j	**j-	**-j-	-
*w	-	**-w-	-
*y	-	**-y-	-

**Jadual 3** Refleks vokal BMP dalam DMHKP.

BMP	DMHKP
*i	**i
*a	**a
*ə	**ə
*u	**u

## **Perkembangan Sistem Konsonan BMP dalam DMHKP**

Bahagian ini memaparkan maklumat berkenaan perkembangan sistem konsonan BMP kepada DMHKP.

### ***Konsonan Letupan***

Konsonan letupan BMP \*p, \*b, \*t, \*d, \*k dan \*g kekal dalam DMHKP sebagai \*\*p, \*\*b, \*\*t, \*\*d, \*\*k dan \*\*g. Pengekalan ini terjadi pada semua kedudukan bagi konsonan \*\*p, \*\*t dan \*\*k. Hal ini sedikit berbeza bagi konsonan \*\*b, \*\*d dan \*\*g yang tidak muncul pada akhir kata kecuali dalam kata pinjaman. Refleks konsonan letupan BMP dalam DMHKP ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Refleks konsonan letupan BMP > DMHKP.

BMP	DMHKP
*pəyut	**pəyut
*api	**api
*hatəp	**atap
*bakay	**baka
*takut	**takut
*mu(n)tah	**mutah
*uyat	**uyat
*dagu	**dagu
*dada	**dada
*kaki	**kaki
*tumbuk	**tumbuk

### ***Konsonan Geseran***

BMP \*s, \*γ dan \*h diretensikan sebagai DMHKP \*\*s, \*\*γ dan \*\*h. Namun begitu, terdapat kekecualian dalam rumus ini. Pertama, BMP \*γ pada posisi akhir digugurkan dalam DMHKP. Kedua, BMP \*h pada posisi awal turut digugurkan dalam DMHKP. Kekecualian tersebut dianggap sebagai inovasi dalam DMHKP. Contoh refleks konsonan geseran BMP dalam DMHKP yang dikupas dipaparkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5** Refleks konsonan geseran BMP > DMHKP.

BMP	DMHKP
*siku	**siku
*kasay	**kasa
*panas	**panas
*hiyis	**iyis
*bakay	**baka
*yumah	**yumah
*tahu	**tahu
*paha	**paha
*hiduŋ	**iduŋ
*hatəp	**atap

**Konsonan Sisian**

Konsonan BMP \*l dikekalkan dalam DMHKP. Meskipun begitu, pengekalan tersebut tidak terjadi dalam semua lingkungan. Maknanya, konsonan BMP \*l hanya muncul pada posisi awal kata dan di antara vokal. Pada posisi akhir kata pula, konsonan BMP \*l digugurkan. Pengguguran yang dimaksudkan dapat diilustrasikan dengan rumus  $\text{BMP } *l > \emptyset / \_ \#$ . Contoh refleks konsonan sisian BMP dalam DMHKP ini ditunjukkan dalam Jadual 6.

**Jadual 6** Refleks konsonan sisian BMP > DMHKP.

BMP	DMHKP
*lutut	**lutut
*lidah	**lidah
*tulanj	**tulanj
*tali	**tali
*akal	**aka
*təbal	**təba

### **Konsonan Letusan**

Konsonan BMP \*c dan BMP \*j diretensikan sebagai \*\*c (\*\*tʃ) dan \*\*j (\*\*dʒ) dalam DMHKP. Kedua-dua konsonan purba tersebut dikekalkan pada posisi awal dan di antara vokal. Contoh realisasinya dalam DMHKP dapat dilihat dalam Jadual 7.

**Jadual 7** Refleks konsonan letusan BMP > DMHKP.

BMP	DMHKP
*jayi	**jayi
*jatuh	**jatuh
*hijau	**ija
*cabut	**cabut
*caciŋ	**caciŋ
*cucuk	**cucuk

### **Separuh Vokal**

Fonem separuh vokal BMP \*w dan BMP \*y kekal sebagai \*\*w dan \*\*y dalam DMHKP pada kedudukan di antara vokal. Sebagaimana yang dianalisis oleh Adelaar (1992), BMP tidak memperlihatkan keberadaan separuh vokal pada posisi awal dan akhir kata. Oleh itu, separuh vokal ini sekadar direkonstruksikan pada posisi di antara vokal. Dalam hal ini, BMP mewariskan gejala separuh vokal secara langsung ke dalam DMHKP. Oleh sebab itulah DMHKP turut memperlihatkan kewujudan separuh vokal hanya pada posisi tengah atau di antara vokal. Contoh realisasinya dipaparkan dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Refleks separuh vokal BMP > DMHKP.

BMP	DMHKP
*jayi	**jayi
*jatuh	**jatuh
*hijau	**ija
*cabut	**cabut
*caciŋ	**caciŋ
*cucuk	**cucuk

### ***Separuh Nasal***

Konsonan nasal BMP \*m, \*n, \*ŋ dan \*ɳ kekal dalam DMHKP juga sebagai \*\*m, \*\*n, \*\*ŋ dan \*\*ɳ. Pengekalan ini terjadi pada dua posisi, iaitu posisi awal kata dan posisi di antara vokal. Jika demikian, persoalan penting yang perlu ditangani selanjutnya ialah konsonan nasal yang menempati posisi akhir kata. Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat dipertimbangkan sebagai penyelesaian terhadap persoalan tersebut.

Pertama, data terkumpul menunjukkan bahawa DMHKP tidak mengekalkan konsonan BMP \*ŋ pada posisi akhir kata. Keadaan tersebut sesuai dengan struktur bahasa Melayu dan dialek Melayu Semenanjung lain yang juga tidak memperlihatkan gejala yang sama. Adelaar (1992) juga tidak merekonstruksikan konsonan nasal \*ŋ pada posisi akhir kata dalam BMP dan hal ini membayangkan bahawa bukan hanya bahasa Melayu dan dialek Melayu di semenanjung, malah isolek Malayik lain di rantau Nusantara dan Indonesia Timur juga tidak memiliki konsonan nasal palatal pada posisi akhir kata. Oleh itu, konsonan tersebut tertolak.

Kedua, hanya ada tiga konsonan nasal lain yang boleh dipertimbangkan bagi menduduki posisi akhir kata dalam DMHKP. Konsonan nasal yang dimaksudkan ialah BMP \*m, \*n dan \*ɳ.

Tentang ehwal yang kedua ini, Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2024), serta Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2025) ada memerihalkan fakta bahawa terdapat penyatuan nasal yang berlaku bagi konsonan BMP \*m, \*n dan \*ɳ kepada [ŋ] dalam DMHK. Oleh itu, Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2024) merekonstruksi konsonan nasal akhir DMHKP sebagai \*\*ɳ. Penyatuan nasal akhir dalam DMHK menandakan DMHKP tidak mempunyai konsonan nasal bilabial, iaitu \*\*m dan nasal gusi, iaitu \*\*n pada posisi akhir kata.

Hal ini membuktikan bahawa penyatuan nasal yang ditunjukkan dalam DMHKP merupakan inovasi atau perubahan daripada BMP. Perubahan yang berlaku tersebut dapat dikatakan bersifat fonemik kerana penemuan semacam ini sudah utuh dalam semua varian di Baling, Kedah. Ciri khas yang ditunjukkan ini juga seakan-akan menyamai dialek di sebelah pantai timur semenanjung, umpamanya dialek Melayu Hulu Terengganu dan dialek Melayu Hulu Kelantan seperti yang telah direkodkan oleh Mohd Tarmizi Hasrah (2022). Tidak hanya di Baling, dialek di sebelah Perak bahagian utara turut memperlihatkan keadaan yang hampir serupa (Nur Habibah Che Rosdi, 2023). Contoh refleks bagi konsonan nasal yang diperkatakan tersebut dipaparkan dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Refleks konsonan nasal BMP > DMHKP.

BMP	DMHKP
*miyah	**miyah
*malam	**malaŋ
*rumah	**yumah
*nipis	**nipis
*anak	**anak
*namuk	**namu?
*apjiŋ	**apjiŋ
*ŋanja	**ŋanja
*tanjan	**tanjanj
*hiduŋ	**iduŋ
*awan	**awanj

**Perkembangan Sistem Vokal BMP dalam DMHKP**

DMHKP mengekalkan keempat-empat vokal BMP, iaitu \*i, \*a, \*ə dan \*u. Pengekalan yang dimaksudkan berlaku dalam kedua-dua suku kata kecuali bagi vokal \*ə yang hanya direkonstruksi pada posisi suku kata awal dalam BMP. Contoh ini dapat dilihat dalam Jadual 10.

**Jadual 10** Refleks vokal BMP > DMHKP.

BMP	DMHKP
*miyah	**miyah
*rumah	**yumah
*nipis	**nipis
*anak	**anak
*akar	**aka
*muka	**muka
*ikan	**ikaj
*dəkat	**dəkat
*əmpat	**əmpat
*cium	**ciuŋ

Namun begitu, retensi DMHKP \*\*a pada suku kata akhir memerlukan perincian yang lebih lanjut. Untuk vokal purba tersebut, Adelaar (1992) merekonstruksi \*a dan \*ə pada suku kata praakhir dan akhir seperti yang terkandung dalam etimon yang berikut:

- i. BMP \*mata ‘mata’
- ii. BMP \*hisep ‘hisap’
- iii. BMP \*hatəp ‘atap’

Bagi etimon pertama, rekonstruksi bagi DMHKP ialah \*\*mata. Hal ini bermakna, rekonstruksi tersebut mengekalkan BMP \*a sebagai DMHKP \*\*a. Walau bagaimanapun, untuk etimon yang lain, rekonstruksinya ialah DMHKP \*\*isap dan DMHKP \*\*atap. Rekonstruksi ini bermaksud, BMP \*ə berubah kepada DMHKP \*\*a pada suku kata akhir. Dalam erti kata lain, vokal DMHKP \*\*a pada posisi tersebut berhasil daripada penyatuan dua fonem BMP, iaitu \*a dan \*ə. Penyatuan yang ditunjukkan itu bukanlah ciri eksklusif yang hanya dimiliki oleh DMHK, sebaliknya ciri yang sama turut wujud dalam dialek hulu yang lain. Antaranya termasuklah dialek Hulu Semenanjung Timur purba (Mohd Tarmizi Hasrah, 2022) dan dialek Hulu Perak Utara purba (Nur Habibah Che Rosdi, 2023).

### **Inovasi Fonologi BMP dalam DMHKP**

Dengan berdasarkan perkembangan fonologi bagi konsonan dan vokal yang telah dibincangkan, terdapat beberapa inovasi yang berjaya dikesan muncul dalam DMHKP. Contoh inovasi ini adalah seperti yang berikut:

- i. BMP \*-y > DMHKP Ø
- ii. BMP \*h- > DMHKP Ø
- iii. BMP \*-l > DMHKP Ø
- iv. BMP \*ə > DMHKP \*\*a
- v. BMP \*-m, \*-n > DMHKP Ø
- BMP \*-m, \*-n, \*-ŋ > DMHKP \*\*-ŋ

Inovasi yang ditunjukkan dalam (i), (ii), (iii) dan (iv) ternyata lebih umum kerana banyak dialek di semenanjung merekodkannya, malah dialek di Hulu Pahang dan Hulu Tembeling juga turut menunjukkan inovasi yang sama (Mohd Tarmizi Hasrah, 2022). Inovasi seperti itu seakan-akan sudah cukup sinonim dalam kebanyakan dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hulu di sebelah Semenanjung Utara. Tabii seumpamanya dapat dilihat dalam dialek Melayu Hulu Perak Utara seperti yang direkodkan oleh Nur Habibah Che Rosdi (2023) dalam kajiannya. Inovasi khas yang

dimiliki oleh dialek purba di kawasan Baling ialah inovasi bernombor (v), yakni penyatuan konsonan nasal BMP \*m, \*n dan \*ŋ kepada DMHKP \*\*ŋ pada kedudukan akhir. Inovasi tersebutlah yang memisahkan DMHKP daripada cabang dialek Melayu semenanjung yang lain.

Seterusnya, pengkaji memaparkan refleks fonem DMHKP dalam DMHK. Perbincangan bermula dengan perkembangan konsonan, diikuti oleh perkembangan vokal.

### **Perkembangan Sistem Konsonan DMHKP dalam DMHK**

Perkembangan sistem konsonan DMHKP dalam DMHK dipaparkan dalam Jadual 11.

**Jadual 11** Perkembangan konsonan DMHKP dalam DMHK.

BMP	DMHKP	
**p	p-	-p-
**b	b-	-b-
**t	t-	-t-
**d	d-	-d-
**k	k-	-k-
**g	g-	-g-
**m	m-	-m-
**n	n-	-n-
**ŋ	ŋ-	-ŋ-
**ɲ	ɲ-	-ɲ-
**l	l-	-l-
**s	s-	-s-
**ɣ	ɣ-	-ɣ-
**h	Ø	-h-
**c (tʃ)	tʃ-	-tʃ-
**j (dʒ)	dʒ-	-dʒ-
**w	-	-w-
**y	-	-y-

### ***Konsonan Letupan***

Semua konsonan letupan DMHKP kekal dalam DMHK pada kedudukan awal kata dan di antara vokal, manakala pada akhir kata, DMHKP \*\*p, \*\*t, \*\*k > DMHK [?]. Contoh reflex ini ditunjukkan dalam Jadual 12.

**Jadual 12** Refleks konsonan letupan pada akhir kata DMHKP dalam DMHK.

DMHKP	DMHK
**pəyut	[pəyɔʷ?] ~ [pəyɔ?] ~ [pɔy?]
**atap	[ata?]
**takut	[tako?] ~ [takɔʷ?]
**uyat	[uya?]
**utak	[utɔ?] ~ [ətɔ?]
**yambut	[yambo?] ~ [yambɔʷ?] ~ [yabɔʷ?]
**əmpat	[mpʰa?] ~ [pʰa?]
**api	[apiʸ]

### ***Konsonan Geseran***

Konsonan geseran velar bersuara DMHKP \*\*y kekal sebagai DMHK [y] pada kedudukan awal kata dan di antara vokal. Kehadiran \*\*y pada dua posisi ini menyamai ciri umum dialek di kawasan Hulu Semenanjung Timur. Umpamanya, konsonan BMP \*y, yang diretensikan oleh pradialek hulu purba di Semenanjung Timur kekal sebagai [y] di Pahang dan dalam kebanyakan dialek Melayu Pantai Timur (Asmah Haji Omar, 2008; Collins, 1983; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022). Contoh refleks konsonan geseran DMHKP dalam DMHK pula dapat dilihat dalam Jadual 13.

**Jadual 13** Refleks konsonan DMHKP \*\*y.

DMHKP	DMHK
**yumput	[yupɔʷ?] ~ [yupu?]
**keybaw	[kəyəbo] ~ [kə:bə] ~ [kyəbo]
**iχis	[iχeç] ~ [iχeh]
**yumah	[yuməh]
**layi	[layiʸ]

Konsonan geseran DMHKP \*\*s kekal sebagai [s] pada posisi awal kata dan di antara vokal dalam semua varian DMHK yang dikaji. Walau bagaimanapun, pada kedudukan akhir kata, \*\*s berubah menjadi [h] ~ [ç]. Perubahan yang dimaksudkan ini dapat digambarkan menerusi rumus yang berikut dan contoh dalam Jadual 14.

- i. DMHKP \*\*s > DMHK [h] / \_\_ #
- ii. DMHKP \*\*s > DMHK [ç] / \_\_ #

**Jadual 14** Refleks konsonan DMHKP \*\*s pada akhir kata.

DMHKP	DMHK
**panas	[panaç] ~ [panah] ~ [paneh]
**nipis	[nipeh] ~ [nipiç] ~ [nipeh]
**iyis	[iyeç] ~ [iyeh]
**lipas	[lipah] ~ [lipaç] ~ [lipeh]
**agas	[agaç] ~ [agah]

Konsonan geseran glotis DMHKP \*\*h kekal sebagai DMHK [h] pada semua posisi kata, iaitu pada awal kata, di antara vokal dan pada akhir kata. Refleks \*\*h memperlihatkan dua keadaan pada posisi di antara vokal. Pertama, pengguguran dan yang kedua ialah pengekalan. Perubahan tersebut dapat digambarkan menerusi rumus yang berikut dengan contohnya dapat dilihat dalam Jadual 15.

- i. DMHKP \*\*h > Ø / V1 \_\_ V2#  
V<sub>1</sub> dan V<sub>2</sub> ialah vokal yang tidak simetri, iaitu a\_\_u
- ii. DMHKP \*\*h > [h] / V1 \_\_ V2#  
V<sub>1</sub> dan V<sub>2</sub> ialah vokal yang simetri, iaitu ə\_\_ə dan ε\_\_ε

**Jadual 15** Refleks konsonan DMHKP \*\*h pada posisi di antara vokal.

DMHKP	DMHK
**paha	[paha] ~ [pha] ~ [pahə]
**lihi	[ləhe] ~ [lahe] ~ [lahe]
**bohoŋ	[bahοŋ] ~ [bahοŋ]
**rahaŋ	[kheŋ] ~ [khen] ~ [khaiy]
**tahu	[thu] ~ [tauw]
**bauh	[bhu] ~ [bauw]
**jahit	[dʒae?] ~ [dʒai?]

## **Konsonan Nasal**

Dalam bahagian ini, konsonan nasal yang dibincangkan ialah konsonan nasal akhir dan nasal homorgan. Refleks konsonan nasal DMHKP dalam DMHK ini dipaparkan dalam Jadual 16.

**Jadual 16** Refleks konsonan nasal DMHKP.

<b>DMHK</b>			<b>DMHKP</b>
<b>Awal Kata</b>	<b>Antara Vokal</b>	<b>Akhir Kata</b>	
[m]	[m]	[ŋ]	**m
[n]	[n]	[ŋ]	**n
[ŋ]	[ŋ]	[ŋ]	**ŋ
[ɲ]	[ɲ]	-	**ɲ

Refleks konsonan nasal ini berbeza-beza berdasarkan varian. Contoh refleks berdasarkan varian ini dipaparkan dalam Jadual 17.

**Jadual 17** Refleks konsonan nasal DMHKP.

<b>DMHKP</b>	**miyah	**nipis	**panas	**apiŋ	**ŋanya	**tayiŋ	**namuk
<b>DMHK</b>							
<b>BGR</b>	[miyɔh]	[nipih]	[panah]	[apiŋ]	[ŋanya]	[tʰayiŋ]	[namɔ?]
<b>TKN</b>	[miyɔh]	[nipiç]	[panaç]	[apiŋ]	[ŋanya]	[tʰayɛ]	[namɔw?]
<b>TAW</b>	[miyɔh]	[paneh]	[panch]	[apiŋ]	[ŋanjɔ]	[tʰayiŋ]	[namɔ?]
<b>SIG</b>	[miyɔh]	[nipih]	[panah]	[apiŋ]	[ŋanya]	[tʰayɛ]	[namɔ?]
<b>BAK</b>	[miyɔh]	[nipiç]	[panaç]	[apiŋ]	[ŋanjɔ]	[tʰayɛ]	[namu?]
<b>KUP</b>	[miyɔh]	[nipiç]	[panac]	[apiŋ]	[ŋanjɔ]	[tʰayiŋ]	[namɔw?]
<b>BAL</b>	[miyɔh]	[nipih]	[panah]	[apiŋ]	-	[tʰayiŋ]	[namɔw?]
<b>PUL</b>	[miyɔh]	-	-	[apiŋ]	[ŋanya]	[tʰayiŋ]	[namu?]

Dengan berdasarkan Jadual 17, terdapat dua kesimpulan seperti yang berikut:

- Semua konsonan nasal DMHKP diretensikan dalam dialek turunannya sebagai [m], [n], [ŋ] dan [ɲ]. Retensi yang berlaku ini adalah pada posisi awal kata dan di antara vokal.
- Namun begitu, terdapat pengecualian bagi konsonan \*\*ŋ yang dapat hadir pada kedudukan akhir kata. Walau bagaimanapun, refleks nasal DMHKP memerlukan sedikit kupasan teoretis, iaitu:

- a. Seperti yang dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, kedua-dua konsonan nasal BMP \*m dan \*n pada akhir kata menyatu menjadi \*\*ŋ dalam DMHKP. Penyatuan nasal tersebut dikenal pasti sebagai ciri inovasi DMHKP.
- b. Refleks DMHKP \*\*-ŋ akhir memperlihatkan corak yang agak menarik, iaitu memiliki ciri retensi dan inovasi secara sekali gus dalam dialek turunannya. Hal ini dapat diterjemahkan melalui rumus DMHKP \*\*ŋ > [ŋ].

Seperti yang telah dijelaskan, DMHKP tidak memiliki konsonan nasal \*\*m dan \*\*n pada posisi akhir kata. Turut dinyatakan juga ialah nasal akhir BMP \*m dan \*n yang mengalami penyatuan menjadi DMHKP \*\*ŋ. Selain itu, terdapat varian yang menyimpang daripada corak penyebaran yang dimaksudkan, seperti varian SIG. Namun begitu, kelainan yang ditunjukkan oleh varian tersebut hanyalah bersifat fonetik dan tidak begitu penting untuk dibincangkan secara lebih terperinci. Refleks nasal DMHKP \*\*ŋ pada akhir kata ini ditunjukkan dalam Jadual 18.

**Jadual 18** Refleks konsonan nasal DMHKP.

BMP	*tulaŋ	*sayarŋ	*piŋgan	*malam
DMHKP	**tulaŋ	**sayarŋ	**piŋganŋ	**malanŋ
<b>DMHK</b>				
<b>BGR</b>	[tula:]	[saya:]	[piŋga:]	[mala:]
<b>TKN</b>	[tula:]	[saya:]	[piŋga:]	[mala:]
<b>TAW</b>	[tula:]	[saya:]	[piŋga:]	[mala:]
<b>SIG</b>	[tule]	[sayɛ]	[piŋge]	[male]
<b>BAK</b>	[tule]	[sayɛ]	[piŋge]	[male]
<b>KUP</b>	[tulan]	[sayan]	[piŋgan]	[malan]
<b>BAL</b>	[tulan]	[sayan]	[piŋgan]	[malan]
<b>PUL</b>	[tulan]	[sayan]	[piŋgan]	[malan]

Dengan berdasarkan Jadual 18, refleks nasal DMHKP \*\*ŋ pada posisi akhir kata dapat dirumuskan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 19.

**Jadual 19** Rumusan refleks nasal DMHKP \*\*ŋ pada akhir kata berdasarkan varian DMHK.

BMP	DMHKP	DMHK							
		BGR	TKN	TAW	SIG	BAK	KUP	BAL	PUL
*m	**ŋ	[.]	[.]	[.]	[Ø]	[Ø]	[ŋ]	[ŋ]	[ŋ]
*n	**ŋ	[.]	[.]	[.]	[Ø]	[Ø]	[ŋ]	[ŋ]	[ŋ]
*ŋ	**ŋ	[.]	[.]	[.]	[Ø]	[Ø]	[ŋ]	[ŋ]	[ŋ]

Menerusi Jadual 19, kesimpulan yang dapat dihasilkan mengenai refleks nasal \*\*ŋ pada kedudukan akhir kata adalah seperti yang berikut:

- i. Varian BAL, KUP dan PUL merentaskan semua nasal akhir DMHKP.
- ii. Varian SIG dan BAK menggugurkan semua konsonan nasal DMHKP \*\*m, \*\*n dan \*\*ŋ pada akhir kata.
- iii. Varian TAW, BGR dan TKN memperlihatkan bentuk inovasi yang berlainan berbanding dengan varian DMHK yang lain. Dalam varian ini, nasal velar DMHKP \*\*ŋ mengalami pemanjangan segmen akhir.

### ***Pemanjangan Segmen Akhir***

Satu gejala menarik yang terserlah menerusi perkembangan yang dihuraikan sebelum ini ialah pemanjangan segmen vokal setelah konsonan nasal velar DHKP \*\*ŋ akhir digugurkan. Contoh pemanjangan vokal pada akhir kata dalam DMHK ini dapat dilihat dalam Jadual 20.

**Jadual 20** Pemanjangan vokal pada akhir kata dalam DMHK.

DMHKP	DMHK		
	TAW	BGR	TKN
**tulaŋ	[tula:]	[tula:]	[tula:]
**sayəŋ	[sayə:]	[sayə:]	[sayə:]
**malaŋ	[mala:]	[mala:]	[mala:]
**piŋgaŋ	[piŋga:]	[piŋga:]	[piŋga:]
**pisaŋ	[pisa:]	[pisa:]	[pisa:]
**ayaŋ	[aya:]	[aya:]	[aya:]

Sebagai rumusan, pemanjangan vokal dalam DMHKP berlaku disebabkan oleh proses fonologi secara bertahap seperti yang berikut:

- i. Secara dasarnya, DMHKP \*\*-ŋ kekal dalam DHKM, tetapi gugur bagi varian TAW, BGR dan TKN. Rumus pengguguran konsonan nasal ini ialah: -Vŋ > -VØ.
- ii. Pengguguran menghilangkan segmen berciri [+konsonantal] yang terdapat pada konsonan nasal velar sebelum proses pengguguran mengambil tempat. Segmen yang digugurkan tersebut kemudian berubah kepada segmen yang berciri [-konsonantal]: -VØ > -VV.
- iii. Pengguguran konsonan nasal velar akhir yang menghasilkan pemanjangan segmen vokal menghilangkan ciri nasal.
- iv. Proses peneutralan, iaitu segmen yang berciri [+konsonantal] yang digugurkan berubah menjadi segmen [-konsonantal]: -VØ > VV yang dilambangkan sebagai [:].

### *Nasal Homorgan*

Refleks nasal homorgan dalam kelapan-lapan varian DMHK yang dikaji memperlihatkan dua gejala, iaitu retensi dan inovasi, dengan setiap varian, masing-masing menunjukkan arah perubahan yang tersendiri. Contoh refleks ini dapat dilihat dalam Jadual 21.

**Jadual 21** Refleks nasal homorgan DMHKP berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**yambu?	**kəŋciŋ	**panjan	**tanga	**lantay	**tandu?
<b>DMHK</b>						
<b>BGR</b>	[yamboʔ]	[kəŋtʃe:]	[paŋdʒe]	[tanga]	[lantæ]	[tandɔʔ]
<b>TKN</b>	[yamboʔ]	[kəŋtʃe:]	[paŋdʒe]	[tanga]	[lantæ]	[tandɔwʔ]
<b>TAW</b>	[yambɔwʔ]	[ke:tʃen]	[paŋdʒe]	[tanja]	[la:te]	[tandɔʔ]
<b>SIG</b>	[yabɔwʔ]	[kəŋtʃe:]	[paŋdʒan]	[tangɔ]	[lantæ]	[tandɔwʔ]
<b>BAK</b>	[yamboʔ]	[ke:tʃen]	[paŋdʒa:]	[tanja]	[la:ta]	[tandɔwʔ]
<b>KUP</b>	[yambɔwʔ]	[kəŋtʃe:]	[paŋdʒan]	[tangɔ]	[lantæ]	[tandɔwʔ]
<b>BAL</b>	[yambɔwʔ]	[kəŋtʃe:]	[paŋdʒa:]	[tangɔ]	[lantæ]	[tandɔʔ]
<b>PUL</b>	[yabɔwʔ]	[ke:tʃen]	[paŋdʒa:]	[tanja]	[la:ta]	[tandɔwʔ]

Dengan berdasarkan data ringkas dalam Jadual 21 dan data lain yang dikumpul di Baling, refleks nasal homorgan DMHKP dapat dirumuskan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 22.

**Jadual 22** Rumusan refleks nasal homorgan DMHKP berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	DMHK							
	BGR	TKN	TAW	SIG	BAK	KUP	BAL	PUL
**-mp-	[-mp-]	[-mp-]	[-Øp-]	[-mp-]	[-Øp-]	[-mp-]	[-mp-]	[-Øp-]
**-mb-	[-mb-]							
**-nt-	[-nt-]	[-nt-]	[-Øt-]	[-nt-]	[-Øt-]	[-nt-]	[-nt-]	[-Øt-]
**-nd-	[-nd-]							
**-nc-	[-nc-]	[-nc-]	[-Øc-]	[-nc-]	[-Øc-]	[-nc-]	[-nc-]	[-Øc-]
**-nj-	[-nj-]							
**-ŋg-	[-ŋg-]	[-ŋg-]	[-Øg-]	[-ŋg-]	[-Øg-]	[-ŋg-]	[-ŋg-]	[-Øg-]
**-ŋk-	[-ŋk-]	[-ŋk-]	[-Øk-]	[-ŋk-]	[-Øk-]	[-ŋk-]	[-ŋk-]	[-Øk-]

Hal yang menarik mengenai contoh ini ialah inovasi dalam varian TAW, BAK dan PUL yang melibatkan bentuk yang berikut:

- DMHKP \*\*-mp- > -Øp-
- DMHKP \*\*-nt- > -Øt-
- DMHKP \*\*-nc- > -Øc-
- DMHKP \*\*-ŋk- > -Øk-

Dalam inovasi yang ditampilkan ini, segmen bunyi yang berciri [+nasal] dalam struktur nasal homorgan DMHKP digugurkan jika hadir sebelum konsonan letupan dan konsonan geseran. Pengguguran ini menghasilkan pemanjangan segmen vokal, iaitu: -NK- > -ØK- > -VØK- > -VVK-. Contohnya adalah seperti yang berikut:

- DMHKP \*\*caŋku ‘cangkul’ > [tʃa:ko]
- DMHKP \*\*lantay ‘lantai’ > [la:ta]
- DMHKP \*\*tumpu ‘tumpul’ > [tu:pʰo]
- DMHKP \*\*baŋkay ‘bangkai’ > [ba:kʰɛ̯]

Dalamuraian ini juga, dikatakan bahawa varian TAW, BAK dan PUL mengalami inovasi daripada ciri nasal homorgan DMHKP yang asal. Hal ini dikatakan demikian kerana struktur nasal bagi varian TAW, BAK dan PUL digugurkan, seterusnya mengalami pemanjangan vokal apabila hadir bersebelahan dengan segmen konsonan letupan dan geseran tidak bersuara.

Segmen nasal kekal jika hadir sebelum konsonan letupan dan konsonan geseran bersuara. Keadaan yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga varian tersebut adalah serupa dengan gejala dialek di Hulu Kelantan dan Hulu Terengganu seperti yang dilaporkan oleh Mohd Tarmizi Hasrah (2022). Dalam hal ini, kedua-dua dialek Pantai Timur tersebut memperlihatkan kewujudan rumus konsonan nasal (N) + konsonan letupan dan konsonan geseran tak bersuara.

Berbeza daripada ketiga-tiga varian yang dinyatakan ini, varian dialek hulu Kedah yang lain pula menunjukkan ketekalan hubungan genetik dengan DMHKP, yakni bentuk dan nasal homorgan diretensikan atau dikekalkan mengikut acuan tabii purbanya. Hal ini bermakna, semua varian bersifat konservatif, melainkan bagi varian BAK, TAW dan PUL yang lebih inovatif.

### **Konsonan Letusan**

Konsonan letusan DMHKP diretensikan pada kedudukan awal dan tengah kata atau di antara vokal dalam kelapan-lapan varian DMHK yang dikaji. Refleks konsonan letusan DMHKP ini dipaparkan dalam Jadual 23.

**Jadual 23** Refleks konsonan letusan DMHKP berdasarkan varian DMHK.

<b>DMHKP</b>	<b>**jayi</b>	<b>**jalaŋ</b>	<b>**tajaj</b>	<b>**ciun</b>	<b>**cucu</b>
<b>DMHK</b>					
<b>BGR</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalɛ]	[tadʒe]	[tʃ <sup>h</sup> om]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]
<b>TKN</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalɛ]	[tadʒe]	[tʃ <sup>h</sup> om]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]
<b>TAW</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalɛ]	[tadʒe]	[tʃ <sup>h</sup> om]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]
<b>SIG</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalaŋ]	[tadʒaŋ]	[tʃiun]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]
<b>BAK</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalaŋ]	[tadʒaŋ]	[tʃiun]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]
<b>KUP</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalɛ]	[tadʒe]	[tʃ <sup>h</sup> om]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]
<b>BAL</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalaŋ]	[tadʒaŋ]	[tʃiun]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]
<b>PUL</b>	[dʒayi <sup>y</sup> ]	[dʒalaŋ]	[tadʒaŋ]	[tʃiun]	[tʃutʃu <sup>w</sup> ]

### **Konsonan Sisian**

Gejala yang melibatkan konsonan sisian akhir dalam dialek Melayu hulu berbeza daripada gejala yang sama dalam dialek di hilir. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek di kawasan hulu cenderung untuk mengalami pengguguran biasa pada kedudukan akhir kata. Refleks konsonan sisian DMHKP berdasarkan varian DMHK dipaparkan dalam Jadual 24.

**Jadual 24** Refleks konsonan sisan DMHKP berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**lutut	**layi	**tulaj	**timbul	**banta
<b>DMHK</b>					
<b>BGR</b>	[lutoʔ]	[layi̯]	[tulaj]	[timbo]	[ba:ta]
<b>TKN</b>	[lutoʔ]	[layi̯]	[tulaj]	[timbo]	[ba:ta]
<b>TAW</b>	[lutoʷʔ]	[layi̯]	[tulaj]	[timbo]	[ba:ta]
<b>SIG</b>	[lutoʷʔ]	[layi̯]	[tula:]	[timbo]	[ba:ta]
<b>BAK</b>	[lutoʔ]	[layi̯]	[tula:]	[timbo]	[ba:ta]
<b>KUP</b>	[lutoʷʔ]	[layi̯]	[tulaj]	[timbo]	[ba:ta]
<b>BAL</b>	[lutoʷʔ]	[layi̯]	[tula:]	[timbo]	[ba:ta]
<b>PUL</b>	[lutoʷʔ]	[layi̯]	[tula:]	[timbo]	[ba:ta]

***Separuh Vokal***

DMHK yang dikaji meretensikan kedua-dua fonem separuh vokal DMHKP pada posisi awal kata dan di antara vokal. Refleks konsonan separuh vokal DMHKP berdasarkan varian DMHK ditunjukkan dalam Jadual 25.

**Jadual 25** Refleks konsonan separuh vokal DMHKP berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**biawak	**sawo	**kayu	**layu
<b>DMHK</b>				
<b>BGR</b>	[bewoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]
<b>TKN</b>	[bewoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]
<b>TAW</b>	[bewoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]
<b>SIG</b>	[biwoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]
<b>BAK</b>	[bewoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]
<b>KUP</b>	[biwoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]
<b>BAL</b>	[bewoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]
<b>PUL</b>	[biwoʔ]	[sawo]	[kayuʷ]	[layuʷ]

**Perkembangan Sistem Vokal DMHKP dalam DMHK**

Bahagian ini membincangkan perkembangan sistem vokal DMHKP kepada lapan varian DMHK yang dikaji. Rumusannya dipaparkan dalam Jadual 26.

**Jadual 26** Perkembangan vokal DHKP.

DMHKP	DMHK
**i	i e $\epsilon$
**a	a
** $\theta$	$\theta$
**u	u o $\circ$

Refleks vokal DHK pada suku kata praakhir dan suku kata akhir pula dapat dilihat dalam Jadual 27.

**Jadual 27** Refleks vokal DMHKP dalam DMHK.

DMHK	Suku Kata Praakhir	Suku Kata Akhir
i	i	i, iy, $\epsilon$
e	e	e
$\epsilon$	$\epsilon$	$\epsilon$
a	a	a, $\circ$ , $\epsilon$
$\theta$	$\theta$	-
u	u	u, uw, $\circ$
o	o	o
$\circ$	$\circ$	$\circ$ , u

Dengan berdasarkan Jadual 27, ada dua kesimpulan yang dapat dikemukakan, iaitu:

- DMHK menginovasikan vokal DMHKP pada suku kata praakhir dan suku kata akhir menerusi proses pemecahan fonemik. Proses ini melibatkan vokal \*\*i dan \*\*u.
- Inovasi memang banyak berlaku pada suku kata akhir, tetapi setiap varian memperlihatkan jalur perubahan yang hampir sama dan berbeza sekali gus, tetapi dengan data yang sangat minimum.

Sehubungan dengan itu, yang menjadi mauduk perbincangan seterusnya ialah pernyataan yang terkandung dalam kesimpulan (ii), iaitu mengenai perubahan fonologinya.

Terkait dengan ehwal ini, terdapat tiga struktur asas bagi suku kata akhir DMHK seperti yang dinyatakan oleh Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2025), iaitu: -KV<sub>K</sub>, -VK dan -KV. Perbincangan ini hanya memberikan penekanan yang khusus terhadap struktur -VK dan -V. Hal ini dilakukan untuk membongkar tabii proses fonologi vokal terlibat dalam dialek yang dikaji. Secara terperinci, analisis subbahagian ini tertumpu pada refleks yang terhasil daripada konstruksi \*\*-V<sub>p</sub>, \*\*-V<sub>t</sub>, \*\*-V<sub>k</sub>, \*\*-V<sub>s</sub>, \*\*-V<sub>h</sub> dan \*\*-V<sub>nj</sub>, selain konstruksi -KV<sub>K</sub> dan \*-V.

### ***Vokal sebelum Konsonan Letupan***

Refleks vokal DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u yang hadir sebelum konsonan letupan DMHKP \*\*p, \*\*t dan \*\*k dibincangkan dalam subbahagian ini. Refleks bagi ketiga-tiga vokal purba tersebut sebelum konsonan letupan \*\*p, \*\*t dan \*\*k dipaparkan dalam Jadual 28, Jadual 29 dan Jadual 30, masing-masing.

**Jadual 28** Refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan letupan \*\*p berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**kacip	**tutup	**atap	**asap
<b>DMHK</b>				
<b>BGR</b>	[katʃiʔ?]	[tutoʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]
<b>TKN</b>	[katʃiʔ?]	[tutoʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]
<b>TAW</b>	[katʃiʔ?]	[tutɔʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]
<b>SIG</b>	[katʃiʔ?]	[katoʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]
<b>BAK</b>	[katʃiʔ?]	[tutoʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]
<b>KUP</b>	[katʃiʔ?]	[tutoʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]
<b>BAL</b>	[katʃiʔ?]	[tutoʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]
<b>PUL</b>	[katʃiʔ?]	[katoʔ?]	[ataʔ?]	[asaʔ?]

**Jadual 29** Refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan letupan \*\*t berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**takut	**pəyut	**uyat	**tumit	**kulit
<b>DMHK</b>					
<b>BGR</b>	[tako?]	[pyo?]	[uya?]	[tumi?]	[kuli?]
<b>TKN</b>	[tako?]	[pyo?]	[uya?]	[tumi?]	[kule?]
<b>TAW</b>	[tako?]	[pəyo <sup>w</sup> ?]	[uya?]	[tumi?]	[kulay?]
<b>SIG</b>	[tako?]	[pyo?]	[uya?]	[tumi?]	[kule?]
<b>BAK</b>	[tako?]	[pəyo?]	[uya?]	[tumi?]	[kule?]
<b>KUP</b>	[tako?]	[pəyo?]	[uya?]	[tumi?]	[kuli?]
<b>BAL</b>	[tako?]	[pyo?]	[uya?]	[tumi?]	[kuli?]
<b>PUL</b>	[tako <sup>w</sup> ?]	[pəyo <sup>w</sup> ?]	[uya?]	[tumi?]	[kula <sup>y</sup> ?]

**Jadual 30** Refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan letupan \*\*k berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**jəntik	**utak	**anak	**yusuk
<b>DMHK</b>				
<b>BGR</b>	[dʒəti?]	[ətə?]	[ano?]	[yuso?]
<b>TKN</b>	[dʒəte?]	[ətə?]	[ano?]	[yuso?]
<b>TAW</b>	[dʒəti?]	[uta?]	[ano?]	[yuso?]
<b>SIG</b>	[dʒə:ti <sup>y</sup> ?]	[uta?]	[ano?]	[yuso?]
<b>BAK</b>	[dʒəti?]	[ətə?]	[ano?]	[yuso?]
<b>KUP</b>	[dʒəte?]	[ətə?]	[ano?]	[yuso?]
<b>BAL</b>	[dʒə:ta <sup>y</sup> ?]	[ətə?]	[ana?]	[yakə]
<b>PUL</b>	[dʒəte?]	[ətə?]	[ana?]	[yakə]

Refleks vokal DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan letupan ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- Vokal DMHKP \*\*a yang hadir sebelum kosongan letupan DMHKP \*\*p, \*\*t dan \*\*k memperlihatkan gejala seperti yang berikut:
  - Vokal DMHKP \*\*a sebelum DMHKP \*\*p kekal sebagai [a]. Refleks ini muncul dalam semua varian yang dikaji.
  - Vokal DMHKP \*\*a sebelum DMHKP \*\*t juga direalisasikan kepada [a]. Refleks ini berlaku dalam semua varian dialek hulu Kedah yang dikaji.

- c. Vokal DMHKP \*\*a sebelum DMHKP \*\*k muncul dalam dua variasi, iaitu [a] dan [ɔ]. Variasi tersebut muncul secara sporadik dalam varian DMHK.
- ii. Vokal DMHKP \*\*i yang hadir sebelum kosongan letupan DMHKP \*\*p, \*\*t dan \*\*k muncul dalam dua gejala seperti yang berikut:
  - c. Vokal DHKP \*\*i sebelum konsonan \*\*p kekal sebagai [i] dalam semua varian DMHK yang dikaji.
  - d. Sebelum konsonan \*\*t pula, vokal DMHKP \*\*i menjadi [e] dalam DMHK jika didahului oleh nasal, tetapi memperlihatkan variasi realisasi jika hadir sebelum konsonan lain.
  - e. Berbeza daripada konsonan letupan yang lain yang menunjukkan keseragaman, vokal DMHKP \*\*i yang hadir sebelum konsonan \*\*k menunjukkan realisasi yang sedikit renCam. Hal ini dapat dilihat apabila vokal \*\*i dalam semua varian direalisasikan dalam fon yang berbeza-beza. Umpamanya, vokal \*\*i sebelum konsonan \*\*k dalam varian SIG dan BAL masing-masing memperlihatkan geluncuran [i<sup>y</sup>] dan [a<sup>y</sup>]. Hal yang sama berlaku pada varian TKN, KUP dan PUL yang menunjukkan inovasi kepada [e].
- iii. Vokal DMHKP \*\*u yang hadir sebelum konsonan letupan DMHKP \*\*p, \*\*t dan \*\*k hadir dalam keadaan yang berikut:
  - d. Vokal DMHKP \*\*u sebelum konsonan DMHKP \*\*p menjadi [o] dalam semua varian DHK yang direkodkan di lapangan.
  - e. Hal yang sama turut berlaku pada kedudukan sebelum konsonan DMHKP \*\*k, yakni vokal DMHKP \*\*u turut berinovasi kepada [o] dan [ɔ].
  - f. Walau bagaimanapun, keadaan sedikit berbeza pada kedudukan sebelum konsonan DMHKP \*\*t yang memperlihatkan sedikit keragaman. Umpamanya, vokal DMHKP \*\*u berubah menjadi [o], kecuali TAW dan PUL yang memperlihatkan geluncuran [ɔ<sup>w</sup>].

### ***Vokal sebelum Konsonan Geseran***

Subbahagian ini membincangkan refleks vokal DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u yang hadir sebelum konsonan geseran \*\*s dan \*\*h. Refleksnya dipaparkan dalam Jadual 31 dan Jadual 32.

**Jadual 31** Refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan geseran \*\*s berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**iğis	**agas	**lipas	**tikus	**arus
<b>DMHK</b>					
<b>BGR</b>	[iğeç]	[agaç]	[lipaç]	[tikoç]	[ayoç]
<b>TKN</b>	[iğeh]	[agah]	[lipah]	[tikuh]	[ayuh]
<b>TAW</b>	[iğeç]	[agaç]	[lipaç]	[tikoç]	[ayoç]
<b>SIG</b>	[iğeç]	[agaç]	[lipaç]	[tikoç]	[ayoç]
<b>BAK</b>	[iğeh]	[agah]	[lipah]	[tikuh]	[ayuh]
<b>KUP</b>	[iğeh]	[agah]	[lipah]	[tikuh]	[ayuh]
<b>BAL</b>	[iğeç]	[agaç]	[lipaç]	[tikoç]	[ayoç]
<b>PUL</b>	[iğeç]	[agaç]	[lipaç]	[tikoç]	[ayoç]

**Jadual 32** Refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan geseran \*\*h berdasarkan varian DMHK.

DMHKP	**yumah	**dayah	**payuh	**putih
<b>DMHK</b>				
<b>BGR</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payoh]	[putih]
<b>TKN</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payoh]	[putih]
<b>TAW</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payuh]	[puteh]
<b>SIG</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payuh]	[puteh]
<b>BAK</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payoh]	[putih]
<b>KUP</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payuh]	[puteh]
<b>BAL</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payoh]	[putih]
<b>PUL</b>	[yuməh]	[dayəh]	[payoh]	[puteh]

Dengan berdasarkan Jadual 31 dan Jadual 32 ini, rumusannya adalah seperti yang berikut:

- Vokal DMHKP \*\*i yang hadir sebelum konsonan \*\*s dan \*\*h memperlihatkan gejala seperti yang berikut:
  - Vokal DMHKP \*\*i sebelum konsonan DMHKP \*\*s menjadi [e] dalam DMHK. Perendahan vokal [e] muncul dalam semua varian yang dikaji.

- b. Vokal DMHKP \*\*i sebelum DMHKP \*\*h menjadi [e] ~ [i] dalam DMHK. Varian TAW, SIG, KUP dan PUL berinovasi kepada [e], manakala varian yang lain pula kekal sebagai [i].
- ii. Vokal DMHKP \*\*a sebelum konsonan DMHKP \*\*s dan \*\*h memperlihatkan gejala seperti yang berikut:
  - c. Vokal DMHKP \*\*a sebelum DHKP \*\*s mengalami pengekalan dalam varian BGR, TAW, SIG, PUL dan BAL.
  - d. Vokal DMHKP \*\*a sebelum DHKP \*\*h, mengalami penengahan kepada [ɔ] dalam semua varian yang dikaji.
- iii. Vokal DMHKP \*\*u sebelum DMHKP \*\*s dan \*\*h memperlihatkan gejala seperti yang berikut:
  - d. Vokal DMHKP \*\*u sebelum DMHKP \*\*s menjadi [o] dalam varian BGR, TAW, SIG, BAL dan PUL, serta menjadi [u] dalam lain-lain varian.
  - e. Vokal DMHKP \*\*u sebelum DMHKP \*\*h menjadi [o] dalam varian BGR, TKN, BAK, BAL dan PUL. Bagi lain-lain varian pula, vokal DHKP \*\*u tetap kekal sebagai [u].

### **Vokal sebelum Konsonan Nasal**

Pada bahagian sebelumnya, hal yang berkaitan dengan refleks konsonan nasal dalam DMHK dibincangkan secara tuntas dan berpada. Sebagai kesinambungan daripada perbincangan tersebut, bahagian ini membincangkan refleks vokal DMHKP yang hadir sebelum konsonan nasal DMHKP \*\*ŋ. Refleksnya ditunjukkan dalam Jadual 33.

**Jadual 33** Refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan nasal \*\*ŋ berdasarkan varian DMHK.

BMP	*malam	*rajin	*kiyim	*buuyuj	*uban	*sukun	*tayij
<b>DMHKP</b>	**malaŋ	**yajinŋ	**kiyinŋ	**buuyunŋ	**ubanŋ	**sukunŋ	**tayinŋ
<b>DMHK</b>							
<b>BGR</b>	[malaŋ]	[yadʒaŋ]	[kiyaŋ]	[buyo:]	[uban]	[sukəŋ]	[tʰayɛ]
<b>TKN</b>	[malaŋ]	[yadʒaŋ]	[kiyaŋ]	[buyo:]	[uban]	[sukəŋ]	[tʰayɛ]
<b>TAW</b>	[malaŋ]	[yadʒaŋ]	[kiyaŋ]	[buyo:]	[uban]	[sukəŋ]	[tʰayɛ]
<b>SIG</b>	[male]	[yadʒaŋ]	[kiyaŋ]	[buŋwŋ]	[ube]	[sukɔŋwŋ]	[tʰayɛ]
<b>BAK</b>	[male]	[yadʒaŋ]	[kiyaŋ]	[buŋwŋ]	[ube]	[sukɔŋwŋ]	[tʰayɛ]
<b>KUP</b>	[malaŋ]	[yadʒinŋ]	[kiyinŋ]	[buuyunŋ]	[uban]	[sukunŋ]	[tʰayinŋ]
<b>BAL</b>	[malaŋ]	[yadʒinŋ]	[kiyinŋ]	[buuyunŋ]	[uban]	[sukunŋ]	[tʰayinŋ]
<b>PUL</b>	[malaŋ]	[yadʒinŋ]	[kiyinŋ]	[buuyunŋ]	[uban]	[sukunŋ]	[tʰayinŋ]

Dengan berdasarkan Jadual 33, refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan nasal \*\*ŋ berdasarkan varian DMHK dapat dirumuskan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 34.

**Jadual 34** Rumusan refleks DMHKP \*\*i, \*\*a dan \*\*u sebelum konsonan nasal \*\*ŋ berdasarkan varian DMHK.

BMP	DMHKP	DMHK							
		BGR	TKN	TAW	SIG	BAK	KUP	BAL	PUL
*m	**-inj	[‐a <sup>y</sup> ŋ]	[‐iŋ]	[‐iŋ]	[‐iŋ]				
*n	**-inj	[‐a <sup>y</sup> ŋ]	[‐iŋ]	[‐iŋ]	[‐iŋ]				
*m	**-anj	[‐a:]	[‐a:]	[‐a:]	[‐ɛ]	[‐ɛ]	[‐aŋ]	[‐aŋ]	[‐aŋ]
*n	**-anj	[‐a:]	[‐a:]	[‐a:]	[‐ɛ]	[‐ɛ]	[‐aŋ]	[‐aŋ]	[‐aŋ]
*m	**-unj	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]
*n	**-unj	[‐ɔŋ]	[‐ɔŋ]	[‐ɔŋ]	[‐ɔʷŋ]	[‐ɔʷŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]
*ŋ	**-inj	[‐ɛ]	[‐ɛ]	[‐ɛ]	[‐ɛ]	[‐ɛ]	[‐iŋ]	[‐iŋ]	[‐iŋ]
*ŋ	**-anj	[‐a:]	[‐a:]	[‐a:]	[‐ɛ]	[‐ɛ]	[‐aŋ]	[‐aŋ]	[‐aŋ]
*ŋ	**-unj	[‐o:]	[‐o:]	[‐o:]	[‐ɔʷŋ]	[‐ɔʷŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]	[‐uŋ]

Jadual 33 dan Jadual 34 menunjukkan bahawa perubahan dan pengekalan vokal yang hadir sebelum konsonan nasal velar adalah (i) mengikut persekitaran fonetik dan (ii) bersifat khusus varian.

### **Pemonoftongan, Geluncuran dan Pendiftongan Vokal Tinggi**

Diftong adalah antara fenomena yang biasa dimiliki, sama ada oleh bahasa Melayu atau dialek Melayu. Walau bagaimanapun, keadaan sedikit berbeza dalam DMHK kerana tiada kewujudan diftong direkodkan dalam sistem fonologinya. Hal ini dikatakan demikian kerana DMHK memiliki sedikit persamaan dengan dialek di kawasan pantai timur, misalnya dialek Melayu Ulu Terengganu yang dikaji oleh Collins (1983). Menurut Collins, dialek Melayu Ulu Terengganu tidak memiliki diftong asal yang diturunkan daripada BMP, sebaliknya memperlihatkan gejala pendiftongan vokal tinggi pada suku akhir kata. Pendiftongan, menurut Collins dalam tulisan beliau yang lain (Collins, 1996) yang memetik cerapan Andersen (1988), merupakan suatu proses yang mewujudkan diftong daripada bentuk monoftong yang asli. Secara amnya, diftong BMP \*-aw dan \*-ay akan berubah menjadi monoftong dalam DMHK. Situasi ini berlaku dalam semua varian DMHK yang dikaji. Monoftong berdasarkan varian DMHK ini ditunjukkan dalam Jadual 35.

**Jadual 35** Monoftong DMHK berdasarkan varian DMHK.

BMP	DMHK							
	SIG	BGR	BAL	PUL	KUP	TAW	TKN	BAK
*misay	[misen]							
*lantay	[late]							
*tupay	[tupe]							
*petay	[pəte]							
*limaw	[limɔ]	[limɔ]	[limɔ]	[limɔ]	[lima:]	[lima:]	[limɔ]	[limɔ]
*pisaw	[pisɔ]	[pisa:]	[pisɔ]	[pisɔ]	[pisɔ]	[pisa:]	[pisɔ]	[pisɔ]

Contoh yang ditampilkan dalam Jadual 35 menunjukkan proses pemonoftongan yang berlaku apabila segmen diftong BMP \*\*-aw dan \*\*-ay menyatu menjadi [o], [ɔ], [a] dan [ɛ] dengan ada varian yang memperlihatkan pemanjangan akhir iaitu TAW. Gejala pendiftongan yang diterangkan pada awal perenggan tadi dapat diertikan bahawa DMHK memiliki diftong yang berasal daripada monoftong yang digantikan dengan gejala yang dikenali sebagai geluncuran vokal tinggi pada suku kata akhir. Umpamanya, vokal DMHKP \*\*-i dan \*\*-u berubah menjadi [-iy] dan [-uw] dalam DMHK. Keadaan ini berlaku dalam semua varian yang dikaji. Geluncuran yang ditunjukkan dalam DMHK hanya berlaku pada suku kata akhir selepas vokal \*\*-i dan \*\*-u. Contoh geluncuran vokal tinggi akhir kata seperti ini dapat dilihat dalam Jadual 36.

**Jadual 36** Geluncuran vokal tinggi akhir kata DMHK berdasarkan varian DHMK.

DMHKP	DMHK							
	SIG	BGR	BAL	PUL	KUP	TAW	TKN	BAK
**situ	[situ <sup>w</sup> ]							
**labu	[labu <sup>w</sup> ]							
**batu	[batu <sup>w</sup> ]							
**gigi	[gigi <sup>y</sup> ]							
**tali	[tali <sup>y</sup> ]							

Gejala fonologi, seperti geluncuran vokal tinggi pada suku kata akhir terbuka dalam dialek Melayu banyak didokumentasikan oleh banyak pengkaji. Umpamanya, Collins pernah merekodkan gejala tersebut dengan

menggunakan konsep pendiftongan dalam dialek Melayu Pahang varian Temerloh (1983), varian Sungai Saribas (1987), dialek Melayu Hulu Terengganu (1996) dan dialek Melayu Muar (1996). Selain Collins, Mohd Tarmizi Hasrah (2022) juga ada mendokumentasikan gejala yang sama dalam dialek Melayu Hulu Pahang di Sungai Jelai. Tidak terkecuali, dialek di Hulu Perak Utara juga turut memperlihatkan gejala fonologi geluncuran yang sama (Nur Habibah Che Rosdi, 2023). Hal ini bermaksud bahawa gejala pendiftongan ini bukanlah ciri fonologi yang baharu muncul, tetapi telah lama direkodkan oleh banyak ahli dialektologi rumpun Melayu. Sehubungan dengan itu, dapatlah disimpulkan tentang gejala geluncuran ini bahawa DMHK memperlihatkan gejala perubahan linguistik yang serupa dengan dialek Melayu yang dinyatakan tersebut.

## KESIMPULAN

Fonem BMP dan hasil rekonstruksi fonem DMHKP yang dibincangkan dalam makalah ini membolehkan perkembangan sistem fonologi DMHK digalurkan dengan sistematis. Untuk menunjukkan perkembangan fonologi yang berlaku dalam DMHK pada waktu ini, perbincangan dilakukan secara bertahap. Tahap pertama dimulai dengan perkembangan sistem fonologi BMP kepada sistem fonologi DMHKP. Kemudian, perbincangan dilanjutkan pula kepada tahap kedua, iaitu perkembangan sistem fonologi DMHKP kepada sistem fonologi DMHK. Yang dimaksudkan dengan perkembangan dalam konteks ini melibatkan dua konsep asas yang paling penting dalam linguistik diakronik, iaitu retensi dan inovasi.

Dalam hal ini, perkembangan fonologi pada tahap kedua sedikit am. Dua gejala yang paling menonjol disebabkan oleh susur galur yang kompleks ialah refleks nasal akhir kata dan pendiftongan vokal tinggi. Refleks nasal akhir misalnya memperlihatkan kemunculan bentuk yang seragam, iaitu nasal akhir BMP \*-am, \*-an, \*-aŋ menyatu menjadi [-aŋ] dalam semua DMHK.

Selain itu, kewujudan fonem [y] sebagai realisasi BMP \*y pada posisi awal dan di antara vokal, serta penggugurnya pada posisi akhir kata sebelum kesenyapan menjadi indikator umum tentang kelainan DMHK. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan ahli dialektologi bersetuju bahawa realisasi BMP \*y dalam cabang dialek Melayu Semenanjung Utara ialah [v] dan [f], yakni [v] pada posisi awal kata dan di antara vokal, manakala [f] berada pada akhir kata sebelum kesenyapan. Realisasi tersebut dianggap ciri distingtif yang mendefinisikan cabang Semenanjung

Utara, seperti ciri penyatuan nasal akhir kepada nasal velar yang mendefinisikan cabang Semenanjung Timur. Akan tetapi, sistem fonologi DMHK berbeza daripada dialek Melayu yang bernaung di bawah cabang dialek Semenanjung Utara disebabkan oleh kewujudan konsonan geseran velar sebagai refleks terhadap konsonan getaran dan geseran velar BMP.

Analisis perkembangan sistem fonologi yang dibentangkan dalam makalah ini sudah cukup untuk menolak penerimaan terhadap daftar kanonik dialek Melayu, iaitu daftar yang menatihahkan anggapan bahawa DMHK ialah subdialek DMK, sedangkan analisis fonologi yang dipaparkan dalam makalah ini menunjukkan bahawa DMHK tidak sepatutnya dianggap sedemikian kerana cirinya jelas menunjukkan perbezaan yang ketara.

## **PENGHARGAAN**

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana mendanai kajian ini menerusi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS-Racer) (RACER/1/2019/SSI01/UUM//1).

## **SUMBANGAN PENGARANG**

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani: Pengumpulan data, konsep dan reka bentuk kajian, penginterpretasian hasil, penulisan makalah dan penyediaan makalah; Mohd Tarmizi Hasrah: Penyediaan makalah akhir, semakan, pengesahan makalah akhir dan penghantaran manuskrip akhir.

## **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini. Selain itu, data yang menyokong kajian ini juga tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

## **PERISYTIHARAN**

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

## RUJUKAN

- Abdul Karim Ismail. (1971). *Dialek Baling: Sifat-sifat umum dan kumpulan teks*. [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (1966). *Perbandingan tatabunyi antara dialek Kedah dengan dialek Perak* [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayic: The reconstruction of phonology and parts of its morphology and lexicon*. Pacific Linguistic C-119. Australian University Press.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1979). *Darulaman: Essay on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian State of Kedah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Baker, J. A. (1938). Notes on the meanings of some Malay words II. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 16(2), 47–50.
- Baker, J. A. (1939). Notes on the meanings of some Malay words III. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17(1), 107–120.
- Baker, J. A. (1940). A Kedah harvesting knife. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 18(2), 43–45.
- Campbell, L. (2021). *Historical linguistics: An introduction* (ed. ke-4). MIT Press.
- Chambers, J., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology* (ed. ke-2). Cambridge University Press.
- Collins, J. T. (1983a). *Dialek Ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1983b). Dialek Pahang: Rangka pengenalan. *Dewan Bahasa*, 27, 99–118.
- Collins, J. T. (1985). Dialek Melayu Pulau Tioman dan rekonstruksi bahasa Melayu purba. *Dewan Bahasa*, 5, 369–383.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah dialek Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1999). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (2016). *Dialek Melayu Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dobby, E. H. G. (1957). Padi landscapes of Malaya. *The Malayan Journal of Tropical Geography*, 10, 1–143.
- Evans, H. N. (1917). Malay back-slang. *Journal of the Federated Malay States Museums*, 7(3), 115–116.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Amir Imran Jamil. (2019). Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: Kajian geolinguistik. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 21–42.
- Fox, A. (1995). *Linguistic reconstruction: Theory and method*. Oxford University Press.

- Hamilton, A. W. (1923). Some bird names in Kedah. *Journal of the Malay Branch of the Royal Asiatic Society*, 1, 378–381.
- Hamilton, A. W. (1925). Some Malay words. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 3(3), 32–55.
- Hamilton, A. W. (1927). Malayan natural history notes. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 3, 362–362.
- Hamilton, A. W. (1930). Some Malay words. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 8(2), 330–333.
- Hamilton, A. W. (1933). Some Malay words. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 11(2), 139–143.
- Humphreys, J. L. (1926). A note on the north and south points of the compass in Kedah and Terengganu. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 4(1), 133–135.
- Ida Ahmad. (1969). Fonologi bahasa Kedah. *Dewan Bahasa*, 13(12), 531–537.
- Kats, J. (1930). *Warna sari Melayoe*. N. V. Boekhandel Visser & Co.
- Logan, J. R. (1851). Ethnology of the Indo-Pacific islands. *Journal of the Indian Archipelago Eastern Asia*, 5, 546–585.
- Maxwell, W. G. (1905). Mantra gajah. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 45, 1–53.
- Maxwell, W. G. (1911). Miscellaneous notes. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 51, 195–196.
- McDavid, R. I. (1974). *A manual for dialect research in the southern states*. The University of Alabama Press.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani. (2025). *Dialek Melayu hulu Kedah: Satu analisis sinkronik dan diakronik* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2023a). Aspirasi sebagai penanda identiti dialek Melayu Baling. Dalam Maslida Yusuf, Karim Harun & Rahim Aman (Penyunting), *Bahasa dan identiti masyarakat tutur* (hlm. 63–82). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2023b). Aspiration in Baling Malay. Dalam Hiroki Nomoto & Asako Shiohara (Penyunting), *Language contact between Malay and indigenous languages*, (NUSA 75, hlm. 3–18). <https://doi.org/10.15026/0002000125>
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2024a). Konsonan beraspirasi dalam dialek Melayu Semenanjung Malaysia: Tinjauan di Baling, Kedah. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 185–216. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no1)
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah (2024b). Rekonstruksi dalam dialek Baling purba. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 3(1), 209–232. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.10>

MOHAMMAD KHAIRULANWAR ABDUL GHANI DAN MOHD TARMIZI HASRAH

- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah, Khairul Faiz Alimi. (2024). Dialek hulu Kedah: Satu pengelompokan baharu. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 1–44. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no1)
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). *Dialek Melayu hulu di timur Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Tarmizi Hasrah, & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 193–216. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no2)
- Norfazila Abdul Hamid, Rahim Aman. (2014). Proses pemanjangan vokal dalam dialek hulu Sik Kedah: Satu penerapan teori fonologi generatif model non-linear. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), 195–205.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(4), 159–178.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi, & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(4), 159–178.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Dialek Melayu di Perak: Analisis geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 69–82.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi, & Khairul Ashraaf Saari. (2019). Penyebaran pengaruh dialek Melayu Thai di Malaysia: Analisis GIS. *Journal of Nusantara Studies*, 4, 362–389.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah, & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan Thai: Analisis GIS. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19(1), 77–96.
- Nothofer, B. (1993). Cita-cita penelitian dialek. Dalam. Farid M. Onn, Ajid Che Kob (Penyunting), *Symposium dialek: penyelidikan dan pendidikan* (hlm. 165–183). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Syazwani Salam, & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2019). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek Petani Sik. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1) 316–343.
- Nur Habibah Che Rosdi, & Rahim Aman. (2020). Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu*, 19(2), 216–243.
- Nur Habibah Che Rosdi, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. (2023). *Dialek hulu Perak utara: Pendekatan linguistik perbandingan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ridley, H. N. (1897). List of Malay plant names. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 30, 31–284.
- Shahidi, A. Hamid. (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 302–325.

- Shahidi A. Hamid. (2012). Analisis fonologi subdialek Kedah Utara. Dalam Rahim Aman (Penyunting), *Bahasa Melayu bahasa universal*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shuib Ismail. (1971). *Dialek Kedah pesisiran: Satu kumpulan teks serta pembicaraan linguistik* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Swadesh, M. (1951). Diffusional cumulation and archaic residue as historical explanations. *Southwestern Journal of Anthropology*, 7(1), 1–21.
- Trudgill, P. (2011). *Sociolinguistic typology: Social determinants of linguistics complexity*. Oxford University Press.
- Umaiyyah Umar. (1999). *A classification of Thai-Kedah dialect using phonological characteristics* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Winstedt, R. O. (1917). The Malay rice cycle. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 75, 51.
- Winstedt, R. O. (1929). Malay industries, Part II: Fishing, hunting and trapping. Dalam. R. J. Wilkinson (Penyunting), *Papers on Malay subjects*. Federated Malay States Press.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaiannya dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *E-Bangi*, 1(1), 1–26.